

Kali akhir mengerusi Kabinet...

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Oleh JAMALUDIN BAKAR

KUALA LUMPUR, Rabu — Tepat pukul 12.42 tengahari ini berakhirilah sidang **K a b i n e t** dipengerusikan oleh Datuk Hussein Onn untuk kali terakhir sebagai Perdana Menteri ke-3.

Datuk Hussein keluar dari bilik persidangan dengan wajah berseri-seri diiringi oleh timbalannya, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, kemudian diikuti oleh menteri-menteri yang lain.

Datuk Seri Dr. Mahathir kemudian menyusul Datuk Hussein ke pejabatnya untuk membincangkan sesuatu. Turut hadir ialah Menteri Pelajaran, Datuk Musa Hitam.

Mereka mengadakan perbincangan kira-kira 30 minit.

Datuk Hussein bersalam-salam dengan anggota Kabinet beliau di akhir sidang tersebut.

Selepas mesyuarat

Kabinet, Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamsah menemu Datuk Seri Dr. Mahathir dan mereka berdua berbincang hampir 40 minit.

Tengku Razaleigh beredar kira-kira pukul 1.43 tengahari untuk balik ke pejabat dan saya mengejar Tengku Razaleigh untuk bertanya sesuatu mengenai perbincangan yang diadakan.

Sedang sibuk-sibuk memujuk Tengku Razaleigh, Datuk Hussein kebetulan hendak pulang, terenyum dari jauh, "awak ini di mana-mana ada sahaja," katanya kepada saya.

"Awak ini aktif sangat," kata Datuk Hussein, sambil ketawa diikuti oleh Tengku Razaleigh.

"Apa yang ditanya itu Razaleigh?" Tanya Datuk Hussein.

"Tidak ada apa-apa Datuk, cuma ia hendak memujuk saya?"

"Takkanlah you tak cakap apa-apa, berjalan begitu jauh," tanya Datuk Hussein berseloroh.

Saya beredar jauh beberapa eia bila kedua pemimpin tersebut berbual sesuatu mengenai parti dan kerajaan.

Selang beberapa minit kemudian, Datuk Seri Dr. Mahathir muncul dari pejabatnya dan mereka berbual termasuk Setiausaha Politik Perdana Menteri, Encik Mustafa Mohamad.

Bila nampak sahaja saya, Datuk Seri Dr. Mahathir menyapa, "You ada lagi dekat sini, apa lagi berita you mahu."

"Kalau Dr. hendak buat komen lagi, lagi baik," kata saya tetapi jawabnya, "No komen."

Mereka beredar pulang.